

“SEJARAH SIFAR GAGAL”

**KOMPILASI SOALAN KBAT
SEJARAH SPM + SKEMA**

**BAB 7 TINGKATAN 5 :
Membina Kesejahteraan Negara**

Disusun & Dicipta Oleh

IPANG

Channel Telegram :

@sejarahwithipang

Kredit Soalan :

Dipetik daripada buku latihan, latihan peribadi, soalan daripada kertas peperiksaan dan lain-lain (kami tidak *klaim* sebarang soalan yang ditaip adalah milik kami)

*Jawapan mungkin tidak menggunakan tatabahasa yang mantap kerana kami hanya mencipta fail ini secara ringkas supaya mudah dihafal

*Cara pemarkahan bergantung pada skema jawapan peperiksaan semasa/terkini

Telegram channel : @sejarahwithipang

Berlandaskan FPK, insan sejahtera yang lahir dari usaha pendidikan adalah insan yang berkebolehan dan berdaya saing dalam mengawal diri melawan anasir-anasir jahat, berdaya saing dalam melaksanakan amanah dalam pekerjaan dan berdaya saing dalam menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Sumber: sinarharian.com.my

Berdasarkan petikan tersebut, jelaskan ciri modal insan yang dapat menyumbang kepada kemajuan negara.

- o Rakyat berkebolehan
- o Bersikap daya saing
- o Amanah dalam pekerjaan
- o Mampu melawan unsur jahat
- o Rasuah/Penyelewengan
- o Modal insan seimbang dapat dilahirkan
- o Bekerjasama mebangunkan negara

Program Eksplorasi Rukun Negara dilancarkan bagi meningkatkan penghayatan Rukun Negara pada 13 Ogos 2023.

Mengapakah Rukun Negara perlu dihayati oleh rakyat Malaysia ?

- o Rakyat yang mempunyai pegangan agama muda diurus
- o Menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab
- o Saling menghormati dan bertoleransi
- o Simbol penyatuan rakyat
- o Pelindung hak istimewa peribumi
- o Penderhakaan kepada raja bermaksud penderhakaan kepada negara
- o Patuhi kemuliaan perlembagaan
- o Tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang
- o Kesopanan dan kesusilaan merupakan nilai murni
- o Lambangkan keperibadian seseorang individu
- o Wujudkan keamanan negara

Telegram channel : @sejarahwithipang

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang bangsa dan kaum yang terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India manakala Malaysia Timur sendiri terdiri daripada beratus-ratus etnik peribumi. Kepelbagaian kaum dan sejarah yang panjang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dengan latar budaya yang berbeza. Perbezaan agama, budaya dan adat resam setiap kaum dan etnik dirai dan dihormati bagi mengekalkan keharmonian dan keamanan negara.

Sumber: www.heritage.gov.my

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

- o Masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik
- o Kepelbagaian menjadikan Malaysia unik
- o Semua perbezaan diraikan dan dihormati
- o Setiap kaum mempunyai sejarah berbeza
- o Pelbagai kaum mampu bersatu melalui budaya
- o Wujudkan keharmonian
- o Imej negara meningkat/perpaduan semakin kukuh

Bagaimanakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan mampu memperkukuh keselamatan negara ?

- o Kukuhkan perpaduan rakyat
- o Melalui aktiviti budaya yang bersama
- o Seperti Citrawarna Malaysia
- o Tonjolkan kebudayaan, pakaian, tarian dan nyanyian rakyat Malaysia
- o Libatkan pelbagai kaum

Telegram channel : @sejarahwithipang

Pada pendapat anda, wajarkah kelab Rukun Negara ditubuhkan ?

- **Wajar**
- Dapat pupuk perpaduan dalam kalangan rakyat
- Dapat tanam perasaan cinta akan negara
- Pupuk nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat
- Perteingkatkan kefahaman dan menghormati budaya, adat resam dan
- Elakkan sebarang pertelingkahan antara kaum

Atau

- **Tidak wajar**
- Kurang sokongan daripada rakyat
- Rakyat kurang berminat dengan kelab Rukun Negara
- Kelab Rukun Negara tidak mampu menaikkan semangat cinta akan negara dalam kalangan rakyat

“Tempoh lebih 60 tahun negara merdeka harus mematangkan kita. Kita tidak boleh berbahas lagi soala bahasa daripada suku kaum. Tugas kita sekarang adalah memartabatkan bahasa Melayu, mengangkat kedudukannya. Ini tanggungjawab pimpinan dan sebab itu kita nak pastikan penggunaan bahasa Melayu bukan untuk bahasa pengantar semata-mata.”

Berikan ulasan anda berdasarkan petikan di atas.

- Pemimpin dan rakyat perlu matang dalam penggunaan bahasa Melayu
- Berperanan memartabatkan bahasa Melayu
- Gunakan bahasa Melayu dalam segala urusan bukan sekadar bahasa pengantar
- Digunakan dalam semua upacara rasmi
- Menjadi contoh dan ikutan rakyat
- Kuat kuasa Akta Bahasa Kebangsaan
- Seperti wajibkan penggunaan bahasa Melayu di mahkamah
- Tingkatkan imej bahasa Melayu

Telegram channel : @sejarahwithipang

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan semakin tercabar. Penerimaan dan penggunaan bahasa Melayu oleh rakyat jelas amat mengecewakan. Lebih malang lagi bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dalam kalangan penutur bahasa Melayu turut tercabar kedudukannya. Sejak kebelakangan ini, bilangan penutur bahasa Melayu sebagai bahasa ibundanya terus berkurangan. Ramai dari kalangan mereka lebih suka dan selesa menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan komunikasi, bahkan ada yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rojak.

Sumber ubah suai: bharian.com.my

Berikan ulasan anda terhadap maklumat tersebut.

- o Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan semakin tercabar
- o Penerimaan dan penggunaan bahasa Melayu oleh rakyat jelas amat mengecewakan
- o Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dalam kalangan penutur bahasa Melayu turut tercabar kedudukannya
- o Ramai dari kalangan rakyat lebih suka dan selesa menggunakan bahasa Inggeris ssebagai bahasa ilmu dan komunikasi
- o Jadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rojak
- o Rakyat Malaysia kita perlulah bangga menggunakan bahasa Melayu
- o Bahasa Melayu merupakan lingua franca pada zaman kegemilangannya
- o Terutamanya di zaman Kesultanan Melayu Melaka
- o Jangan rasa janggal untuk bertutur dalam bahasa Melayu terutamanya dalam kalangan rakat Malaysia yang berbilang kaum
- o Kerajaan perlu menggerakkan kempen cintai bahasa kerana bahasa adalah jiwa bangsa

Telegram channel : @sejarahwithipang

Bagaimanakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan mampu mewujudkan satu identiti bangsa Malaysia ?

- Perkasakan kebudayaan nasional sebagai identiti bangsa
- Semarakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- Bersama-sama mempertahankan Perlembagaan Persekutuan
- Menjunjung setiap prinsip Rukun Negara
- Jadikan sistem pendidikan sebagai alat penyatuan bangsa

Bagaimanakah anda mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian ?

- Patuhi ajaran agama
- Sentiasa amalkan nilai-nilai yang baik
- Sentiasa hormat pada institusi raja
- Sentiasa menyokong dasar-dasar kerajaan
- Sentiasa bekerjasama memajukan negara
- Tidak membicarakan isu sensitif
- Yang boleh gugatkan keharmonian negara
- Patuh terhadap undang-undang

Perpaduan dapat dipupuk melalui prinsip Rukun Negara.

Beri penjelasan anda.

- Perlu dihayati oleh rakyat untuk eratkan perpaduan
- Sebagai peraturan dan norma hidup setiap warganegara
- Perlukan kesungguhan dan tanggungjawab semua rakyat
- Pemantapan melalui rancangan pembangunan ekonomi
- Penghayatan nilai murni
- Saling bertolak ansur dalam masyarakat berbilang kaum
- Memahami dalam aspek keagamaan yang diamalkan oleh semua kaum di negara ini

Telegram channel : @sejarahwithipang

Prinsip Rukun Negara mampu memperkukuh dan mengeratkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Beri ulasan anda.

- o Sikap bertolak ansur dalam masyarakat
- o Saling menghormati antara kaum yang mengamalkan agama dan budaya berbeza
- o Dapat hidup dalam keharmonian
- o Dengan mematuhi undang-undang negara
- o Masalah sosial berkurangan
- o Keamanan negara terjamin

Penganjuran sukan pada peringkat serantau dan antarabangsa mampu memberi manfaat kepada negara kita. Jelaskan.

- o Dapat satukan rakyat berbilang kaum
- o Tingkatkan komitmen pemimpin
- o Dapat pengiktirafan dunia
- o Tarik minat belia dalam bidang sukan
- o Tingkatkan ekonomi
- o Tarik pelancong luar
- o Promosikan negara melalui sukan

Bagaimanakah sukan dapat merealisasikan gagasan “Keluarga Malaysia” ?

- o Pupuk perpaduan antara kaum
- o Tingkatkan kualiti hidup rakyat
- o Penyertaan semua kaum dalam acara sukan
- o Harumkan nama negara di mata dunia
- o Interaksi dalam kalangan atlet
- o Laungan semangat “Malaysi Boleh”
- o Pupuk semangat patriotik dalam kalangan belia
- o Beri anugerah/insentif kepada atlet negara

Telegram channel : @sejarahwithipang

Pada pendapat anda, apakah kepentingan perpaduan kepada negara kita ?

- Negara menjadi aman kerana tiada perbalahan kaum
- Saling menghormati sesama kaum
- Tidak timbul isu-isu sensitif
- Wujud kerjasama antara kaum
- Konsep muafakat membawa berkat diamalkan
- Gotong-royong menjadi perkara biasa
- Tolak ansur antara kaum
- Perlembagaan Persekutuan disanjung
- Undang-undang dipatuhi
- Kadar jenayah berkurangan

“Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan”

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

- Mudahkan komunikasi harian
- Bahasa pengantar di sekolah
- Bahasa rasmi
- Bahasa kebangsaan
- Bahasa perhubungan antara kaum
- Bahasa ilmu
- Bahasa Lingua Franca
- Pupuk semangat kekitaan
- Bentukkan jati diri
- Tanam semangat patriotisme

Telegram channel : @sejarahwithipang

Pada pandangan anda, mengapakah perpaduan kaum diberikan keutamaan di negara kita ?

- o Jamin kestabilan politik
- o Capai kemajuan ekonomi
- o Jamin keamanan negara
- o Elakkan peristiwa berdarah 13 Mei 1969 daripada berulang
- o Kekalkan kedaulatan negara
- o Elakkan diskriminasi dalam kumpulan masyarakat
- o Perbaik taraf hidup rakyat
- o Tingkatkan imej negara

Apakah bukti anda mendukung prinsip seperti yang dinyatakan dalam Rukun Negara ?

- o Mengakui Tuhan melebihi sebarang kuasa lain
- o Sentiasa bersyukur dan hargai nikmat yang diberikan oleh Tuhan
- o Curahkan taat setia kepada raja dan negara
- o Mematuhi undang-undang yang ditetapkan
- o Sokong penguatkuasaan undang-undang
- o Saling memahami adat resam dan nilai hidup kaum lain
- o Amalkan sikap tolak ansur dalam kehidupan
- o Tidal mempersoalkan kesetiaan seseorang rakyat berdasarkan keturunan atau kaum

Telegram channel : @sejarahwithipang

Pada pandangan anda, apakah ciri masyarakat Malaysia yang wujud melalui penghayatan terhadap Rukun Negara ?

- o Masyarakat yang berakhlak mulia dan mempunyai pegangan dalam hidup
- o Mudah diurus dan memiliki jati diri yang tinggi
- o Saling menghormati antara satu sama lain
- o Sentiasa berfikiran rasional dalam sebarang tindakan yang diambil
- o Sentiasa mematuhi undang-undang
- o Kehidupan yang aman dan tenteram
- o Bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara
- o Miliki disiplin yang tinggi dalam kehidupan
- o Utamakan perpaduan kaum
- o Hormati perbezaan agama dan budaya dalam kalangan masyarakat

Falsafah Pendidikan Kebangsaan diisytiharkan pada tahun 1996 merupakan dasar kepada hala tuju pendidikan di Malaysia.

Jelaskan kepentingan falsafah pendidikan tersebut kepada negara kita.

- o Seragamkan hala tuju pendidikan kebangsaan
- o Kukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat
- o Terapkan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu
- o Membentuk murid yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek
- o Lahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri
- o Rakyat mampu memberikan sumbangan terhadap kemakmuran dan keharmonian masyarakat dan negara
- o Bina masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan
- o Lahirkan warganegara yang setia kepada negara

Telegram channel : @sejarahwithipang

Apakah kesan jika rakyat mengabaikan penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara ?

- Perpaduan rakyat akan semakin luntur
- Nilai hormat-menghormati antara satu sama lain semakin merosot
- Kehidupan bermasyarakat semakin mengetepikan nilai-nilai moral dalam kehidupan
- Tidak hormati pemimpin dan institusi YDPA
- Semangat patriotik masyarakat terhadap negara akan tergugat
- Keharmonian negara di negara ini akan terjejas

Ramalkan kesan sekiranya pemeraksanaan sistem pendidikan di negara kita tidak mendapat kerjasama daripada rakyat.

- Segala pembangunan tersebut hanyalah sia-sia
- Kemunduran rakyat dalam pendidikan
- Kadar buta huruf akan semakin meningkat
- Perpaduan rakyat tidak dapat dibentuk
- Tidak mampu melahirkan tenaga kerja mahir
- Kerajaan terpaksa bawa masuk tenaga buruh mahir dari negara lain

Telegram channel : @sejarahwithipang

Sejauh manakah pengamalan prinsip Rukun Negara berjaya melahirkan rakyat yang bersatu dan harmoni ?

- o Seru rakyat saling memahami dan menghormati dalam aspek keagamaan
- o Lahir rakyat yang menghormati simbol kedaulatan negara
- o Rakyat patuh terhadap undang-undang
- o Mempunyai ciri patriotsime yang teguh
- o Berusaha untuk tingkatkan imej negara
- o Rakyat memepertahankan kemuliaan perlembagaan
- o Demi mengekalkan kehidupan yang aman dan harmoni
- o Rakyat sentiasa bersopan santun dan berakhlak mulia
- o Menjamin hubungan baik sesama kaum agar terus kekal terpelihara
- o Penghayatan nilai murni melahirkan suasana yang saling bertolak ansur